

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 Jld. 2 (25)
Tarikh : 18 September 2019

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING MQA BIL. 5/2019

PENAMBAHBAIKAN SYARAT KELAYAKAN MASUK DALAM STANDARD PROGRAM: MUAMALAT DAN KEWANGAN ISLAM

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Pekeliling MQA Bil. 2/2019 – Penggunaan Edisi Terkini Standard Program Muamalat dan Kewangan Islam bertarikh 20 Februari 2019.

2. Pihak Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah menerima cadangan daripada pihak berkepentingan untuk mengkaji semula syarat kelayakan masuk ke program **Muamalat** dan **Pengurusan Halal** dalam Standard Program: Muamalat dan Kewangan Islam bagi Diploma Tahap 4 dan Sarjana Muda Tahap 6 Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF) yang memerlukan **lulus dalam mata pelajaran Bahasa Arab**.

3. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada panel pakar bidang dan pihak berkepentingan, MQA telah bersetuju untuk menambah baik syarat kelayakan masuk tersebut seperti yang diperincikan dalam **Lampiran 1**.

4. Penambahbaikan ini bertujuan untuk memastikan calon pelajar mempunyai kompetensi asas yang mencukupi untuk mengikuti program serta bagi memastikan graduan yang dihasilkan adalah berkualiti dan menepati keperluan industri Muamalat dan Kewangan Islam negara.

5. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap syarat kelayakan masuk yang telah ditambah baik ini **berkuat kuasa bermula 01 September 2019**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATU' DR. RAHMAH BINTI MOHAMED)
E-mel: rahmah@mqa.gov.my

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
4. SUSK YB Menteri Pendidikan
Pejabat Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
5. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
6. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR
7. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Aras 4, Bangunan Canselori
Universiti Malaysia Terengganu
21030 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU

8. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbangan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) (JKTNCRA IPTA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Aras 4, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR

9. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia
43400 SERDANG, SELANGOR

10. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pejabat Presiden
Universiti Multimedia
Persiaran Multimedia
63100 CYBERJAYA, SELANGOR

STANDARD PROGRAM: MUAMALAT DAN KEWANGAN ISLAM

PENAMBAHBAIKAN SYARAT KELAYAKAN MASUK

BIL.	SYARAT KELAYAKAN MASUK SEDIA ADA DALAM STANDARD PROGRAM	PENAMBAHBAIKAN YANG DILULUSKAN
1.	<p>DIPLOMA</p> <p>Program Muamalat, Ekonomi Islam, Kewangan Islam, Pentadbiran Muamalat dan Pengurusan Halal</p> <p>i. Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan sekurang-kurangnya tiga kredit dalam mana-mana mata pelajaran dan lulus Matematik atau yang setara;</p> <p>ATAU</p> <p>ii. Lulus Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/ Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau yang setara;</p> <p>ATAU</p> <p>iii. Lulus Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 dalam bidang berkaitan dan memiliki SPM dengan minimum satu kredit;</p> <p>ATAU</p> <p>iv. Sijil (Tahap 3, Kerangka Kelayakan Malaysia, KKM) yang diiktiraf atau setara dalam bidang Muamalat dan Kewangan Islam (MIF) atau yang berkaitan;</p> <p>ATAU</p> <p>v. Lain-lain kelayakan yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia;</p>	<p>DIPLOMA</p> <p>Program Muamalat, Ekonomi Islam, Kewangan Islam, Pentadbiran Muamalat dan Pengurusan Halal</p> <p>i. Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan sekurang-kurangnya tiga kredit dalam mana-mana mata pelajaran dan lulus Matematik atau yang setara;</p> <p>ATAU</p> <p>ii. Lulus Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/ Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau yang setara;</p> <p>ATAU</p> <p>iii. Lulus Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 dalam bidang berkaitan dan memiliki SPM dengan minimum satu kredit;</p> <p>ATAU</p> <p>iv. Sijil (Tahap 3, Kerangka Kelayakan Malaysia, KKM) yang diiktiraf atau setara dalam bidang Muamalat dan Kewangan Islam (MIF) atau yang berkaitan;</p> <p>ATAU</p> <p>v. Lain-lain kelayakan yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia;</p>

BIL.	SYARAT KELAYAKAN MASUK SEDIA ADA DALAM STANDARD PROGRAM	PENAMBAHBAIKAN YANG DILULUSKAN
	<p>DAN</p> <p>vi. Lulus Bahasa Arab (untuk program Muamalat dan Pengurusan Halal)</p> <p>Nota:</p> <p>i. Syarat lulus dalam Matematik di peringkat SPM dan Bahasa Arab boleh dikecualikan jika gred pencapaian di peringkat STPM/STAM bagi mata pelajaran tersebut adalah sama/ lebih tinggi.</p> <p>ii. Bagi program Ekonomi Islam, Kewangan Islam dan Pentadbiran Muamalat, PPT hendaklah menyediakan kursus intensif Bahasa Arab untuk pelajar.</p>	<p>DAN</p> <p>vi. Lulus Bahasa Arab pada peringkat SPM atau setara (untuk program Muamalat dan Pengurusan Halal).</p> <p>Nota:</p> <p>i. Syarat lulus dalam Matematik di peringkat SPM bagi calon (i) boleh dikecualikan jika calon mempunyai kelayakan lain yang mengandungi mata pelajaran Matematik dengan pencapaian yang setara/ lebih tinggi.</p> <p>ii. Bagi calon program Muamalat dan Pengurusan Halal yang tidak mempunyai lulus Bahasa Arab di peringkat SPM atau setara perlu mengikuti mata pelajaran pengukuhan Bahasa Arab di awal pengajian.</p> <p>iii. Keperluan mata pelajaran pengukuhan Bahasa Arab ini juga terpakai bagi calon program Ekonomi Islam, Kewangan Islam dan Pentadbiran Muamalat kecuali bagi pelajar yang lulus Bahasa Arab di peringkat SPM atau setara/ lebih tinggi.</p> <p>iv. Pelajar wajib lulus mata pelajaran pengukuhan Bahasa Arab tersebut sebagai prasyarat sebelum dibenarkan mengikuti kursus teras berkaitan. Justeru, ketetapan ini tidak menghalang pelajar untuk mengikuti kursus lain sama ada teras atau bukan teras yang tidak mensyaratkan mata pelajaran pengukuhan Bahasa Arab tersebut.</p> <p>v. Kredit bagi mata pelajaran pengukuhan Bahasa Arab adalah</p>

BIL.	SYARAT KELAYAKAN MASUK SEDIA ADA DALAM STANDARD PROGRAM	PENAMBAHBAIKAN YANG DILULUSKAN
		merupakan kredit tambahan kepada program dan boleh diambil kira bagi tujuan kredit bergraduasi.
2.	<p>IJAZAH SARJANA MUDA</p> <p>Program Muamalat dan Pengurusan Halal</p> <p>i. Matrikulasi atau Asasi yang diiktiraf dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.0;</p> <p>ATAU</p> <p>ii. Lulus Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan DUA mata pelajaran lulus penuh dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.0 atau setara;</p> <p>ATAU</p> <p>iii. Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan sekurang-kurangnya pangkat Jayyid;</p> <p>ATAU</p> <p>iv. Diploma (Tahap 4, KKM) atau setara dalam bidang Muamalat dan Kewangan Islam atau berkaitan dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.5; (Bagi calon dengan PNGK kurang daripada 2.5 tetapi melebihi 2.0 boleh diterima masuk tetapi tertakluk kepada proses penilaian dalaman)</p> <p>ATAU</p> <p>v. Lain-lain kelayakan yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia;</p>	<p>IJAZAH SARJANA MUDA</p> <p>Program Muamalat dan Pengurusan Halal</p> <p>i. Matrikulasi atau Asasi yang diiktiraf dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.0;</p> <p>ATAU</p> <p>ii. Lulus Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan DUA mata pelajaran lulus penuh dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.0 atau setara;</p> <p>ATAU</p> <p>iii. Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan sekurang-kurangnya pangkat Jayyid;</p> <p>ATAU</p> <p>iv. Diploma (Tahap 4, KKM) atau setara dalam bidang Muamalat dan Kewangan Islam atau berkaitan dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.5; (Bagi calon dengan PNGK kurang daripada 2.5 tetapi melebihi 2.0 boleh diterima masuk tetapi tertakluk kepada proses penilaian dalaman)</p> <p>ATAU</p> <p>v. Lain-lain kelayakan yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia;</p>

BIL.	SYARAT KELAYAKAN MASUK SEDIA ADA DALAM STANDARD PROGRAM	PENAMBAHBAIKAN YANG DILULUSKAN
	<p>DAN</p> <p>vi. Lulus Bahasa Arab.</p> <p>Nota: Syarat lulus dalam Bahasa Arab boleh dikecualikan jika gred pencapaian di peringkat STPM/STAM bagi mata pelajaran tersebut adalah sama/ lebih tinggi.</p>	<p>DAN</p> <p>vi. Lulus Bahasa Arab pada peringkat SPM atau setara.</p> <p>Nota:</p> <p>i. Syarat lulus Bahasa Arab di peringkat SPM atau setara boleh dikecualikan jika pencapaian di peringkat STPM/STAM/ Matrikulasi/ Kursus Asas/ Diploma atau setara bagi mata pelajaran tersebut adalah setara/ lebih tinggi.</p> <p>ii. Bagi calon yang tidak mempunyai lulus Bahasa Arab di peringkat SPM atau setara/ lebih tinggi perlu mengikuti mata pelajaran pengukuhan Bahasa Arab di awal pengajian.</p> <p>iii. Pelajar wajib lulus mata pelajaran pengukuhan Bahasa Arab tersebut sebagai prasyarat sebelum dibenarkan mengikuti kursus teras berkaitan. Justeru, ketetapan ini tidak menghalang pelajar untuk mengikuti kursus lain sama ada teras atau bukan teras yang tidak mensyaratkan mata pelajaran pengukuhan Bahasa Arab tersebut.</p> <p>iv. Kredit bagi mata pelajaran pengukuhan Bahasa Arab adalah merupakan kredit tambahan kepada program dan boleh diambil kira bagi tujuan kredit bergraduasi.</p>

BIL.	SYARAT KELAYAKAN MASUK SEDIA ADA DALAM STANDARD PROGRAM	PENAMBAHBAIKAN YANG DILULUSKAN
3.	<p>IJAZAH SARJANA MUDA</p> <p>Program Ekonomi Islam, Kewangan Islam dan Pentadbiran Muamalat</p> <p>i. Matrikulasi atau Asasi yang diiktiraf dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.0 dan lulus Matematik di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setara;</p> <p>ATAU</p> <p>ii. Lulus Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan DUA mata pelajaran lulus penuh dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.0 dan lulus Matematik di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setara;</p> <p>ATAU</p> <p>iii. Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan sekurang-kurangnya pangkat Jayyid dan lulus Matematik di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setara;</p> <p>ATAU</p> <p>iv. Diploma (Tahap 4, KKM) atau setara dalam bidang Muamalat dan Kewangan Islam atau berkaitan dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.5; (Bagi calon dengan PNGK kurang daripada 2.5 tetapi melebihi 2.0 boleh diterima masuk tetapi tertakluk kepada proses penilaian dalaman)</p>	<p>IJAZAH SARJANA MUDA</p> <p>Program Ekonomi Islam, Kewangan Islam dan Pentadbiran Muamalat</p> <p>i. Matrikulasi atau Asasi yang diiktiraf dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.0 dan lulus Matematik di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setara;</p> <p>ATAU</p> <p>ii. Lulus Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan DUA mata pelajaran lulus penuh dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.0 dan lulus Matematik di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setara;</p> <p>ATAU</p> <p>iii. Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan sekurang-kurangnya pangkat Jayyid dan lulus Matematik di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setara;</p> <p>ATAU</p> <p>iv. Diploma (Tahap 4, KKM) atau setara dalam bidang Muamalat dan Kewangan Islam atau berkaitan dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.5; (Bagi calon dengan PNGK kurang daripada 2.5 tetapi melebihi 2.0 boleh diterima masuk tetapi tertakluk kepada proses penilaian dalaman)</p>

BIL.	SYARAT KELAYAKAN MASUK SEDIA ADA DALAM STANDARD PROGRAM	PENAMBAHBAIKAN YANG DILULUSKAN
	<p>ATAU</p> <p>v. Mana-mana Diploma lain (Tahap 4, KKM) dengan minimum PNGK 2.5;</p> <p>ATAU</p> <p>vi. Lain-lain kelayakan yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia.</p> <p>Nota:</p> <p>i. Syarat lulus dalam Matematik di peringkat SPM boleh dikecualikan jika gred pencapaian di peringkat STPM/STAM bagi mata pelajaran tersebut adalah sama/ lebih tinggi.</p> <p>ii. PPT hendaklah menyediakan kursus intensif Bahasa Arab untuk pelajar.</p>	<p>ATAU</p> <p>v. Mana-mana Diploma lain (Tahap 4, KKM) dengan minimum PNGK 2.5;</p> <p>ATAU</p> <p>vi. Lain-lain kelayakan yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia.</p> <p>Nota:</p> <p>i. Syarat lulus dalam Matematik di peringkat SPM bagi calon (i), (ii) dan (iii) boleh dikecualikan jika calon mempunyai kelayakan lain yang mengandungi mata pelajaran Matematik dan pencapaiannya setara/ lebih tinggi.</p> <p>ii. Pelajar perlu mengikuti mata pelajaran pengukuhan Bahasa Arab di awal pengajian kecuali bagi pelajar yang lulus Bahasa Arab di peringkat SPM/ STPM/ STAM/ Matrikulasi/ Kursus Asas/ Diploma atau setara/ lebih tinggi.</p> <p>iii. Pelajar wajib lulus mata pelajaran pengukuhan Bahasa Arab tersebut sebagai prasyarat sebelum dibenarkan mengikuti kursus teras berkaitan. Justeru, ketetapan ini tidak menghalang pelajar untuk mengikuti kursus lain sama ada teras atau bukan teras yang tidak mensyaratkan mata pelajaran pengukuhan Bahasa Arab tersebut.</p> <p>iv. Kredit bagi mata pelajaran pengukuhan Bahasa Arab adalah merupakan kredit tambahan kepada program dan boleh diambil kira bagi tujuan kredit bergraduasi.</p>